

Source : **Utusan Malaysia**
Date : **06 / 09 / 2011**

6 mega **MODE**

UTUSAN MALAYSIA SELASA 6 SEPTEMBER 2011

Saringan kesihatan elak penyakit kronik



Sihat

Oleh **MARIATUL QATIAH ZAKARIA**
maria.zakaria@utusan.com.my
Gambar: JEFRI IRAN

SARINGAN kesihatan adalah kaedah perubatan pencegahan terkini yang menjadi perhatian kebanyakan masyarakat global. Ia bertujuan untuk mengesan penyakit lebih awal dan mendapatkan rawatan yang sesuai di peringkat awal sebelum ia menjadi kronik.

Sekarang ini, masyarakat bukan lagi menunggu datangnya penyakit untuk mencari rawatan. Malah sebelum timbulnya simptom saringan kesihatan mampu memberi maklumat sebelum terbenamnya penyakit tersebut.

Oleh itu, saringan kesihatan amat penting kerana lebih awal kita mendapat diagnosis yang tepat, maka lebih berjaya untuk menangani sesuatu penyakit itu sebaik mungkin.

Sebagai contoh, serangan jantung merupakan penyakit yang makin menular dalam masyarakat.

Sebanyak 50 peratus kes penyakit jantung hanya diketahui setelah mendapat serangan yang pertama dan seterusnya menyebabkan kematian mengejut akibat kegagalan fungsi jantung.

Situasi itu dapat dicegah sekiranya pesakit melakukan saringan kesihatan yang lebih awal.

Menurut Pakar Radiologi, Pusat Perubatan Iheal, Kuala Lumpur, Dr. Haniza Abdul Jalil, saringan kesihatan membolehkan seseorang itu mencegah penyakit kronik lebih awal.

Dari situ mereka boleh mendapatkan rawatan yang sesuai di peringkat awal sebelum ia menjadi kronik dan menyebabkan kematian.

Tambah beliau, saringan kesihatan lengkap terdiri daripada pelbagai aspek dengan pemeriksaan klinikal oleh pakar perubatan.

Ujian-ujian yang asas termasuk ujian darah dan parameter-parameter yang tertentu seperti tahap gula/kolesterol, tekanan darah, ECG dan lain-lain.


"Masa kini, terdapat banyak pakej-pakej saringan kesihatan yang menyeluruh dengan melaksanakan ujian-ujian tertentu termasuk pengimejan diagnostik.

"Pengimejan diagnostik merangkumi imbasan seperti x-ray, mesin *ultrasound*, mamogram, pengimbas CT serta MRI.

"Ia adalah langkah yang tidak bahaya cuma menggunakan imej imbasan untuk mengetahui apakah penyakit dalaman tanpa membedah buka badan seseorang," ujarnya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, secara tidak langsung ia merupakan satu cara di mana saringan kesihatan mampu memberi maklumat mengenai dalaman seseorang itu.

Berbicara lanjut mengenai saringan



DR. Haniza Abdul Jalil menyarankan agar saringan kesihatan dibuat secara berkala.



MESIN pengimbas CT menjadikan proses diagnosis penyakit lebih cepat dan tepat.

kesihatan, menurut Dr. Haniza, kini di Pusat Perubatan Iheal, mereka menggunakan mesin pengimbas CT yang terkini iaitu pengimbas CT 640 hirisan untuk imbasan spesifik mengikut penyakit setiap pesakit.

Mesin ini merupakan yang pertama dan satu-satunya seumpamanya di Malaysia dan ia berupaya memberi imbasan yang tepat, tangkas dan mengurangkan dos dedahan radiasi ke aras yang minimum.

Kelebihan itu tidak dapat ditandingi oleh mesin pengimbas CT yang lain. Ulas Dr. Haniza, mesin tersebut

setanding dengan yang terdapat di negara-negara maju dan kini rakyat Malaysia juga boleh mendapatkan diagnosis dengan dos sinaran yang rendah.

Apabila bercakap mengenai imbasan CT, umum pastinya takut terdedah dengan radiasi.

Bagaimanapun, jelas Dr. Haniza, pengimbas CT 640 membolehkan dos radiasi menjadi amat rendah apabila imbasan dilakukan dengan cukup pantas, secepat 1/3 saat.

Ini bermakna dalam sekelip mata imbasan itu siap. Dengan kepantasan

Dengan mesin pengimbas CT 640 ini, kesemua ujian seperti CT arteri otak, CT vena otak dan CT perfusi otak dapat dilaksanakan serentak dengan dos radiasi yang rendah dan inilah kelebihan lain yang terdapat pada mesin pengimbas ini

itu pendedahan pada radiasi amat singkat dan dos radiasi juga menjadi amat rendah.

Selain itu menurut, Dr. Haniza, CT640 berupaya mengimbas dalam satu putaran dan dapat memberi satu gambaran sesuatu organ dengan jelas dan amat tepat.

"Contohnya, CT koronari arteri di mana saluran darah kepada jantung dapat dianalisis dengan dos serendah 1-2 msv sahaja. Pesakit jantung berupaya mendapatkan diagnosis yang tepat dan pesakit juga didaftarkan sebagai pesakit luar tanpa perlu dimasukkan ke hospital dan tidak invasif.

"Keputusan ujian akan terus diberi kepada pesakit pada hari yang sama. Selain untuk saringan jantung, mesin ini mempunyai keupayaan untuk melihat perfusi otak yang merangkumi keseluruhan otak dalam satu ujian.

"Dengan mesin pengimbas CT 640 ini, kesemua ujian seperti CT arteri otak, CT vena otak dan CT perfusi otak dapat dilaksanakan serentak dengan dos radiasi yang rendah dan inilah kelebihan lain yang terdapat pada mesin pengimbas ini," katanya.

Sebilangan masyarakat hari ini akan bertanya, adakah radiasi boleh menyebabkan kanser?

Jelas Dr. Haniza, dos radiasi yang rendah yang digunakan dalam pengimejan diagnostik adalah amat rendah untuk dikaitkan dengan risiko kanser.

Malah katanya, jika dibandingkan dengan risiko-risiko relatif, penghisap rokok mempunyai risiko kanser yang jauh lebih tinggi.

Dengan itu harus sedar ketakutan terhadap radiasi dibandingkan dengan faedah mengetahui diagnosis yang mampu mencegah penyakit merupakan perspektif yang harus diatasi.

Dr. Haniza turut merumuskan, saringan kesihatan yang dilaksanakan dengan dos sinaran paling rendah lebih mendatangkan faedah kerana ia dapat mengesan penyakit lebih awal dan dapat diberi rawatan sebelum ia terlewat.